

kembara

Sepetang di Tanjung Balau



Pengunjung mengambil peluang menghirup bayu segar Laut China Selatan.

→ Formasi batuan, bayu Laut China Selatan gamit pengunjung

Oleh **Bennie Zie Fauzi**
bennie@bh.com.my

Cuaca cerah diselangti tiupan angin deras menyambut kedatangan penulis di pantai Tanjung Balau, Kota Tinggi

Johor.

Perancangan awal ingin meninjau penginapan Bayu

Balau Beach Resort (BBBR) namun kedamaian dan kemeriahan aktiviti pantai berhadapan chalet menggamit langkah terus ke pantai.

Langit biru bersatu dengan pesisir pantai landai ditaburi pasir halus mengungkap damai dan sewaktu pandangan jatuh ke bahagian barat pantai, gugusan batu hitam pekat pelbagai bentuk meminjamkan aura misteri.

Selepas bertukar salam dengan Penolong Pegawai Rancangan Tanah, Bahagian Pelancongan Kejora (Lembaga Kemajuan Johor Tenggara), Ahmad Tarmizi Md Noar, bagai pucuk dicita ulam mendatang, penulis dan jurufoto, Mohd Khairul Helmy Mohd Din, segera

dibawa menyusuri pantai.

“Saya bimbang hujan lewat petang, apatah lagi cuaca pada hujung tahun tidak menentu,” katanya.

Batu 200 juta tahun

Tarikan utama pantai di Tanjung Balau adalah pada formasi batuan akibat hakisan angin (wind-stress rock) yang boleh dilihat jelas ketika air surut.

Dipercayai wujud sejak zaman Permo-karbon sekali gus lebih tua dari era Permian yang bermula sekitar 275 juta tahun silam.

Sebaik menghampirinya, selain warna hitam seperti arang, jelas terpampang strukturnya yang berlapis malah sekali pandang seperti kesan ditinggalkan lahar lahar gunung berapi.

“Ia adalah kesan kepanasan matahari yang menjadikan bentuknya berlapis-lapis seperti itu.

“Suatu ketika dahulu, gugusan batu ini tenggelam jauh di bawah perut bumi namun udara panas dan sejuk silih berganti memben-

tuk formasi seperti yang dilihat sekarang,” kata Ahmad Tarmizi.

Mudah dijejaki


Satu ketika dulu angin di kawasan Tanjung Balau adalah lebih kuat dan kering sehingga menyebabkan terbentuknya formasi batuan yang asalnya dari perut bumi.

Untuk melihat batuan lebih dekat, susuri laluan konkrit menganjur ke tengah laut selain menyeberangi teluk dan tanjung.

Beberapa wakaf kecil disediakan buat pengunjung berehat bagi menghayati keindahan Laut China Selatan dan batu unik itu malah tidak kurang, mengambil kesempatan mengabadikan gambar kenangan berlatar belakangkan panorama alam mengasyikkan.

Di bahagian pantai lebih landai dan senang dijejaki, kelihatan dua pasang pengantin mengabadikan foto kenangan bertemankan batu hitam dan rimbunan pepohon memagari pantai.


Galeri geologi di Muzium Nelayan Tanjung Malau memberi pengetahuan am fenomena tsunami.



kembara



Lawatan ke Chalet Nelayan Tanjung Balau pada Program Jelajah ke pusat peranginan Desaru di Desaru, Kota Tinggi.



BH
4112116
MIS 2-3

Hayati kehidupan penduduk setempat



Penginapan selesa di Balau village resort.

Muzium Nelayan Tanjung Balau dibuka pada 1993 yang berkonsepkan kehidupan dalam perkampungan nelayan menjadi rujukan utama mendapatkan sumber maklumat, sejarah dan khazanah nelayan dalam negara.

Sebuah bangunan setingkat berkenaan menampilkan beberapa galeri menyingkap kehidupan nelayan, peralatan menangkap ikan kuno dan moden, model kaedah menangkap ikan dan diorama menggambarkan kegetiran pekerjaan itu.

Sejumlah lebih 250 artifak yang mengisi ruang pamerannya mampu mendekatkan pengunjung dengan kehidupan nelayan namun pameran lebih 50 perahu digunakan sejak

100 tahun antaranya perahu payang, kolek Johor, kolek chiau, perahu badar besar hingga perahu diilhamkan dari barat berupaya membuka mata.

Sementara itu, Galeri Geologi mengemukakan pelbagai batuan unik yang sebahagian besarnya diperoleh di perairan Tanjung Balau.

Meskipun, hanya sempat singgah sebentar, mata penulis tidak lekang memerhatikan artifak seramik Cina yang berjaya diselamatkan dan diangkut keluar dari kapal dagang China yang karam di perairan Desaru sekitar tahun 1840-an.

Abadikan perkampungan nelayan

Bagi yang ingin tinggal lebih lama untuk merasai suasana

perkampungan nelayan, beristirehat memenuhi masa libur bahkan kaki pancing yang berhasrat menghirup cabaran memancing di Laut China Selatan, bolehlah menyewa Balau Village Resort berhampiran pantai berkenaan.

Kemudahan penginapan menerusi 17 unit chalet, lapan unit asrama di samping bilik Keluarga dan Superior selain memberi pengalaman menikmati keindahan perkampungan nelayan yang tersusun turut menghadirkan keseronokan pelbagai aktiviti sampingan seperti barbeku, demonstrasi kuih tradisional, bermain permainan tradisional, menjengah pembikinan kraftangan kulit siput dan meneroka hutan paya bakau.

Info

Muzium Nelayan Tanjung Balau

- Menyimpan dan memamerkan pelbagai khazanah nelayan tradisional negeri Johor seperti sampan, jaring, pancing dan bubu dan lain-lain.
- Kompleks muzium ini mempunyai 4 galeri iaitu Galeri Geologi, Galeri Keselamatan Laut, Galeri Kapal Karam Desaru dan Galeri Pameran Khas.
- Dibuka setiap hari kecuali pada Hari Raya Aidilfitri dan Aidiladha.
- Tiket masuk RM2 untuk dewasa dan RM (kanak-kanak).

